Pengunduran garis pantai dengan kadar lebih dari 1 meter/tahun tetapi kurang dari 4 meter/tahun umumnya di kawasan berpenduduk tidak padat dengan sedikit aktiviti pertanian yang mendapat perkhidmatan infrastruktur dan kemudahan awam yang kurang sempurna.




Kategori III - Belum Serius
Pengunduran garis pantai dengan kadar kurang dari 1 meter/tahun umumnya di kawasan tanpa penduduk dengan aktiviti pertanian yang minimum yang tidak mendapat perkhidmatan infrastruktur dan kemudahan awam.

Jadual 6.2 : Taburan Kawasan-Kawasan Hakisan Pantai di Malaysia

Negeri	Panjang	Pantai Yang Mengalami Hakisan (Mengikut Kategori)						Jumlah Panjang/Bilangan Pantai Yang Mengalami Hakisan		
	(Km)	Kategori 1		Kategori 2		Kategori 3				
		(Km)	Bil.	(Km)	Bil.	(Km)	Bil.	(Km)	Bil.	(%)
Perlis	26.4	0	0	0	0	0.1	2	0.1	2	0.4
Kedah	639.8	1.9	4	13.6	28	11.3	90	26.8	122	4.2
Pulau Pinang	215.6	4.7	7	5	13	6.6	31	16.3	51	7.6
Perak	397.5	0.3	1	33.6	21	61.2	105	95.1	127	23.9
Selangor	492.1	4.8	2	18.6	16	51.2	156	74.6	174	15.2
Negeri Sembilan	65.0	5.5	6	4.1	9	0.2	2	9.8	17	15.1
Melaka	120.5	0.2	1	1.7	6	1.8	3	3.7	10	3.1
Johor	813.6	0	0	38.1	30	26.6	42	64.7	72	8.0
Pahang	378.4	1.5	2	16.9	14	43.4	58	61.8	74	16.3
Terengganu	443.1	12.3	8	15.4	20	21.0	115	48.7	143	11.0
Kelantan	179.5	2.0	2	2.5	2	15.3	43	19.8	47	11.0
Sarawak	1,234.1	18.6	7	144.8	78	329.1	566	492.5	651	39.9
Sabah	3,752.9	3.0	3	79.1	63	347.2	1120	429.3	1,186	11.4
Labuan	81.5	0.6	1	2.5	9	1.3	11	4.4	21	5.4
JUMLAH	**8,840.0**	**55.4**	**44**	**375.9**	**309**	**916.3**	**2,344**	**1,347.6**	**2,697**	**15.2**

Sumber : National Coastal Erosion Study Malaysia (2015)

6.3 Strategi Kawalan Hakisan Pantai dan Program Kawalan Hakisan Pantai

Langkah jangka pendek	Menjalankan kerja-kerja kejuruteraan seperti pembinaan struktur kawalan hakisan di kawasan yang kritikal untuk melindungi nyawa dan harta benda. Pemantauan berterusan dilaksanakan bagi kawasan yang tidak kritikal.
Langkah jangka panjang	Menjalankan kerja-kerja perancangan gunatanah, mengawal dan mengurus pembangunan di zon pantai dengan mengambilkira proses semulajadi pantai. Ia bagi mengelakkan risiko hakisan dan keperluan kerja-kerja perlindungan pantai di masa hadapan. Strategi jangka panjang ialah: a) Mematuhi Surat Pekeliling Am Bil.5 Tahun 1987 Jabatan Perdana Menteri : Peraturan Melulus dan/atau Melaksanakan Projek Pembangunan di Kawasan Pantai Negara perlu merujuk kepada JPS. b) Penyediaan Pelan Pengurusan Pesisiran Pantai Bersepadu (*Integrated Shoreline Management Plans, ISMP*) bagi semua negeri di Malaysia. 

6.4 Senarai Projek Kawalan Hakisan Pantai

Jadual 6.3 : Senarai Projek RMKe-11

BIL	PROJEK	KOS PROJEK (RM)
1	Projek Mencegah Hakisan Pantai Di Tanjung Piai, Mukim Serkat, Pontian Johor	30 Juta
2	Pemuliharaan Pantai Dan Pembaikan Kualiti Air Laut Di Batu Ferringhi, Pulau Pinang	14 Juta
3	Projek Pengawalan Hakisan Pantai Pasir Hitam, Mukim Padang Ayer Hangat, Daerah Langkawi, Kedah	17 Juta
4	Projek Pengawalan Hakisan Pantai Di Kg. Tg. Batu, Nenasi Pekan Pahang	75 Juta
5	Membaikpulih Dan Meninggi Ban Pantai Sungai Belukang Mukim Rungkup, Daerah Bagan Datuk, Perak	8 Juta
6	Projek Mencegah Hakisan Pantai Di Pantai Tok Jembal, Kuala Terengganu (Fasa 2), Terengganu	97.8 Juta
7	Projek Pengawalan Hakisan Pantai Di Pantai Kuala Nerus, Terengganu	90 Juta
8	Projek Menaiktaraf Ban Pantai Lagun Setiu, Gong Batu, Setiu, Terengganu	10 Juta
9	Projek Pengawalan Hakisan Pantai Di Kampung Kuala Hilir Oya, Bahagian Mukah Sarawak	19.55 Juta
10	Projek Pengawalan Hakisan Pantai Di Kampung Batu 1, Kuala Baram, Miri, Sarawak	25 Juta
11	Projek Pengawalan Hakisan Pantai Di Kg Semarang, Pusa, Betong, Sarawak	6.5 Juta
12	Pembinaan Struktur Perlindungan Hakisan Di Kg. Muara Tebas, Kuching, Sarawak	25 Juta
13	Projek Pemuliharaan Hakisan Pantai Pelbagai Negeri	164.25 Juta
14	Projek Mengatasi Masalah Fenomena Air Pasang Besar Dan Hakisan Pantai Pelbagai Negeri	200 Juta

6.5 Pelan Pengurusan Pantai Bersepadu (*Integrated Shoreline Management Plan - ISMP*)

Merupakan satu tindakan jangka panjang bukan struktur bagi menangani masalah hakisan pantai. ISMP mempunyai persamaan prinsip dan ciri dengan *Integrated Coastal Zone Management* (ICZM). Bagaimanapun ISMP digubal supaya lebih spesifik dan mengambil kira faktor-faktor tempatan di pesisir pantai berkenaan dan merupakan pelan pengurusan komprehensif berkaitan pengurusan ke atas kawasan pantai.

6.5.1 Komponen ISMP

Antara komponen-komponen ISMP adalah seperti berikut :-

- Mengenal pasti aset-aset di kawasan pantai seperti Taman laut, kawasan perikanan, kawasan pendaratan penyu, tapak bersejarah, habitat pantai seperti paya bakau, *mud flats* dan terumbu karang.
- Mengenal pasti ciri-ciri pantai yang sedia ada seperti keadaan pantai, morfologi pantai, bathymetry, kecerunan dan sebagainya.
- Mengenalpasti proses pantai dengan menjalankan kajian *numerical modeling*.

6.5.2 Tujuan ISMP

- Membantu mengawal hakisan pantai secara lestari dan mengawal risiko banjir pantai, menambah nilai dan memperbaiki kualiti pantai-pantai pelancongan, memelihara persekitaran pantai, nilai sejarah dan arkeologi.
- Menyediakan asas dan strategi serta garis panduan sebagai perlindungan kepada pesisir pantai untuk memastikan pengurusan pantai yang lebih efektif, sistematik dan lestari bagi faedah generasi masa hadapan.

6.5.3 Di antara *Output* ISMP


- Mewujudkan inventori pantai yang meliputi aset-aset yang terdapat di kawasan pantai termasuklah kawasan hakisan serta tahap hakisan tersebut.
- Mencadangkan jenis serta bentuk struktur perlindungan ke atas pantai serta kawasan hakisan di mana ianya dirangka selaras serta sesuai dengan objektif yang dipersetujui.
- Menggariskan cadangan-cadangan kawasan sensitif yang perlu dipelihara seperti tempat pendaratan penyu.
- Mencadangkan bentuk pembangunan guna tanah yang sesuai dengan objektif yang ditetapkan.
- Menentukan anjakan pembangunan (setback) yang terperinci bagi keseluruhan kawasan pantai berdasarkan management unit yang dikaji.

- Menyediakan beberapa garis panduan lain yang lebih spesifik berhubung dengan pembangunan yang boleh dipertimbangkan seperti penambakan, pengorekan pasir dan sebagainya.

6.5.4 Had Kawasan Persisiran Pantai Dalam ISMP

Had kawasan persisiran pantai yang terlibat dalam ISMP adalah 1km ke darat dari *mean high water spring* dan 3 batu nautika ke laut dari *mean low water spring* (Gambarajah 6.1). Bagaimanapun sekiranya di dapati kawasan pantai di luar daripada had tersebut di atas mampu menyumbang impak yang besar ke atas proses pantai jika pembangunan dilaksanakan maka had kawasan kajian ISMP akan meliputi kawasan yang berkenaan.

Gambarajah 6.1: Had kawasan persisiran pantai yang terlibat dalam ISMP



6.6 Kajian ISMP

Jadual 6.4 : Kajian ISMP

BIL	KAJIAN	TAHUN SIAP
1	ISMP Pahang Utara	2002
2	ISMP Pahang Selatan	2006
3	ISMP N.Sembilan	2008
4	ISMP Labuan	2010
5	ISMP Pulau Pinang	2010
6	ISMP Melaka	2010
7	ISMP Miri	2010
8	ISMP Sabah	2012
9	ISMP Johor Barat	2012
10	ISMP Perlis	2018

Jadual 6.5 : Kajian ISMP RMKe-11

BIL	KAJIAN PELAN PENGURUSAN PANTAI BERSEPADU (ISMP)
1	Negeri Sarawak (Kuching ke Betong)
2	Negeri Sarawak (Sarikei ke Bintulu)
3	Negeri Sarawak (Limbang)
4	Negeri Terengganu
5	Negeri Kedah
6	Negeri Kelantan
7	Negeri Perlis
8	Negeri Perak
9	Negeri Sabah (Tuaran ke Kudat)
10	Negeri Johor (Pantai Timur)

Dalam RMKe-11, peruntukan yang telah diluluskan untuk melaksanakan baki Kajian ISMP adalah berjumlah RM50 juta yang merangkumi 8 negeri.

6.7 Pemuliharaan Muara Sungai

Bertujuan mengatasi masalah pemendapan di muara, banjir pantai, saliran pantai dan kemudahan pelayaran untuk perikanan, pelancongan dan komersial.



Pemecah Ombak Di Kuala Terengganu



Pemecah Ombak Di Marang

6.7.1 Klasifikasi Pemendapan Muara Sungai

i) **Kategori I – Kritikal**
Kawasan muara yang sangat serius dari aspek fizikal, sosial dan ekonomi.

ii) **Kategori II – Ketara**
Kawasan muara yang serius dari aspek fizikal, sosial dan ekonomi.

iii) **Kategori III – Belum serius**
Keadaan muara sungai yang belum serius.

Jadual 6.6 : Klasifikasi Pemendapan Muara Sungai Di Malaysia

Kategori	Bilangan Muara
Kategori 1 : Kritikal	26
Kategori 2 : Ketara	40
Kategori 3 : Belum Serius	36
Jumlah Kawasan	102

Sumber : National Rivermouth Study, 1994

Jadual 6.7 : Projek Pemecah Ombak (RMKe-5 sehingga RMKe-9)

BIL	PROJEK	TAHUN PELAKSANAAN	KOS PROJEK (RM)
1	Projek pembinaan pemecah ombak Muara Sungai Pengkalan Datu	1988	-
2	Projek pembinaan pemecah ombak Muara Sungai Semerak/Sg. Gali	1993	-
3	Projek pembinaan pemecah ombak Muara Sungai Golok (di Sebelah Malaysia sahaja)	1996	-
4	Projek pembinaan pemecah ombak Muara Sungai Besut	1996	-
5	Projek pembinaan pemecah ombak Muara Sungai Marang	1998	29 Juta
6	Pembinaan Benteng Pemecah Ombak dan Pengawalan Hakisan Pantai di Kuala Kemaman	2006	76.7 Juta
7	Projek pembinaan pemecah ombak Muara Sungai Kemasin	2007	37.1 Juta
8	Projek pembinaan pemecah ombak Muara Sungai Terengganu	2007	59.2 Juta
9	Projek Pemuliharaan Muara Sungai Besut, Terengganu	2007	87.1 Juta

Jadual 6.8 (a) : Senarai Struktur Pemecah Ombak Di Muara Sungai

BIL	PROJEK	KOS PROJEK (RM)	TARIKH MULA	TARIKH SIAP
1	Projek pembinaan pemecah ombak Muara Sungai Pahang (Fasa 3) Pakej 2, Pahang	188 Juta	18 Julai 2016	17 Julai 2018
2	Projek pembinaan pemecah ombak Muara Sungai Besut, Terengganu	220 Juta	13 Disember 2016	-
3	Projek pembinaan pemecah ombak Muara Sungai Paka, Terengganu	120 Juta	17 Mei 2018	-

Jadual 6.8 (b) : Senarai Struktur Pemecah Ombak Di Pesisir Pantai (Hakisan)

BIL	PROJEK	KOS PROJEK (RM)	TARIKH MULA	TARIKH SIAP
1	Projek Mencegah Hakisan Pantai Tanjung Piai, Mukim Serkat, Pontian Johor	30 Juta	21 Julai 2014	20 Mac 2016
2	Projek Mencegah Hakisan Pantai Di Pantai Tok Jembal (Fasa 2) Kuala Terengganu, Terengganu	89.5 Juta	8 April 2014	8 Julai 2014

Jadual 6.9 : Senarai Projek Pengorekan Muara Sungai

BIL	PROJEK	TAHUN PELAKSANAAN	KOS PROJEK (RM)
1	Merekabentuk Dan Membina Benteng Pemecah Ombak Dan Kerja-kerja Mendalamkan Muara Sungai Terengganu.	2002	42 Juta
2	Mengorek muara Sg. Setiu Lama, Terengganu	2004	0.66 Juta
3	Mengorek muara Sg. Kerteh, Terengganu	2004	4.43 Juta
4	Mengorek muara Sg. Besut dan Muara Sg. Merang, Terengganu	2005	6.9 Juta
5	Projek Pengorekan di Muara Sg.Bebar, Pahang	2005	6.5 Juta
6	Merekabentuk Dan Membina Kerja-kerja Membaikpulih Muara Sungai Dan Pantai Sekitar Kuala Sungai Pahang, Pahang Darul Makmur (Fasa 1)	2008	23.7 Juta
7	Kerja-kerja Mengorek Muara Sungai Selinsing, Sungai Betul dan Sungai Protan Serta Lain- lain Kerja Yang Berkaitan Di Daerah Kerian	2007	1.86 Juta
8	Projek Mengorek bagi Mendalamkan Muara Sg.Melaka	2008	1.8 Juta
9	Mengorek Muara Sg. Langat, Selangor	2009	36.9 Juta
10	Membuang Kelodak dan Mendalamkan Muara Sg.Tebrau & Sg.Plentong, Johor Bharu	2009	48.2 Juta
11	Projek Mendalamkan Muara Sg.Batu Pahat, Johor	2009	22.9 Juta
12	Kerja-Kerja Mendalamkan Muara Sg. Dungun, Dungun, Terengganu	2011	6.8 Juta
13	Projek Mendalamkan Muara Sungai Setiu, Terengganu	2012	3.4 Juta
14	Mengorek Muara Sg Kedah	2013	4.2 Juta
15	Projek Pengorekan Muara Sg.Bongon, Sabah	2014	2.5 Juta
16	Projek Pemuliharaan Muara Sungai Pengkalan Chepa Di Kuala Pak Amat, Kota Bharu, Kelantan	2014	3.0 Juta

Jadual 6.10 : Senarai Projek Pemuliharaan Muara Sungai (RMKe-11)

BIL	PROJEK	KOS PROJEK (RM)
1	Projek Pemuliharaan Muara Sungai Kesang, Daerah Tangkak, Johor.	20 Juta
2	Penambakan Pemecah Ombak Di Pengakalan Seri Menanti Laut, Muar, Johor	1.8 Juta
3	Projek Pemuliharaan Muara-Muara Sungai Di Negeri Melaka	40 Juta
4	Projek Pemuliharaan Muara Sungai Pahang (Fasa 3) Daerah Pekan, Pahang	557.5 Juta
5	Projek Pemuliharaan Muara Sungai Kerang, Mukim Sg. Tinggi, Trong, Perak	20 Juta
6	Projek Pemuliharaan Muara Sungai Paka, Terengganu	150 Juta
7	Projek Pemuliharaan Muara Sungai Besut, Terengganu	238.55 Juta
8	Projek Pemuliharaan Muara Sungai Merchang, Terengganu	43 Juta
9	Projek Pemuliharaan Muara Sg. Setiu, Terengganu	150 Juta
10	Projek Pemuliharaan Muara-Muara Sungai Bagi Negeri Sarawak	29.96 Juta

PENGURUSAN SUMBER AIR DAN HIDROLOGI

7.1 Peranan

Menyediakan khidmat kepakaran dalam pengurusan data dan maklumat hidrologi, memantau dan meramal banjir, menilai sumber air dan memantau kemarau, menjalankan penyelidikan, memberi nasihat teknikal rekabentuk dan amalan hidrologi untuk pembangunan negara yang mampan.

7.2 Pengurusan Sumber Air

7.2.1 Definisi Sumber Air

Sumber-sumber air yang boleh diperolehi untuk kegunaan manusia dan alam sekitar yang merangkumi sungai, tasik,air bawah tanah, air laut dan sumber air yang lain.

7.2.2 Definisi Pengurusan Sumber Air


Segala inisiatif yang merujuk kepada pengurusan dan kegunaan air terutamanya untuk mendatangkan faedah kepada manusia dan tindakan untuk memastikan perancangan, pembangunan dan pengurusan sumber air adalah lestari dan air mencukupi untuk semua.

7.2.3 Tanggungjawab JPS mengenai Sumber Air

Peranan JPS dalam sumber air adalah selaras dengan **"Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969" Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan 2013 P.U (A) 222** dalam perkara berikut:


- Perancangan dan pembangunan sistem ramalan dan amaran banjir serta penilaian dan pengurusan sumber air negara
- Pengurusan lembangan sungai
- Pengurusan air untuk tanaman dan keperluan pertanian
- Program tebatan banjir
- Pengurusan zonpantai
- Pengurusan air hujan di kawasan bandar

Rajah 7.1: Sumber Air Di Malaysia



Sumber : Review of the National Water Resources Study (2000-2050)

Rajah 7.2: Sumber Air Di Malaysia



Sumber : Review of the National Water Resources Study (2000-2050)

Jadual 7.1 : Keperluan Sumber Air Negara Sehingga Tahun 2050

Permintaan (Termasuk Kehilangan)		2010	2020	2030	2040	2050
Air Minuman	Liter per hari (juta)	14,458	18,618	20,995	23,368	25,455
Pengairan Padi	m^3 / tahun (juta)	8,266	9,112	8,049	7,641	7,205
Selain Pengairan Padi	m^3 / tahun (juta)	1,117	1,123	1,113	1,150	1,176
Penternakan	m^3 / tahun (juta)	128.8	179.9	256.4	378.6	578.3
Perikanan	m^3 / tahun (juta)	1,287	1,593	1,923	2,390	2,898


Sumber: Review of the National Water Resources Study (2000-2050)


Jadual 7.2 : Senarai Kajian Sumber Air

Bil.	Tajuk Kajian	Tempoh Kajian (Tahun)
1	Kajian Indeks Kualiti Air Sungai di Semenanjung Malaysia	2008-2009
2	Kajian Integrated Water Resources Study for the Northern Region of Peninsular Malaysia	2008-2009
3	Preliminary Study on the National Groundwater Potential in Peninsular Malaysia	2008-2009
4	Study on the Impacts of Land Development Activities on Water Resources of Sg. Kelantan and the Development of Conservation Plan	2008-2010
5	BMP's In Awareness Raising And Capacity Building Towards The Effective Implementation Of IWRM In Malaysia	2009-2012
6	Study of Impact of Climate Change on Design Floods and Its Application for the Damansara, Johor and Kelantan River Basin	2008-2009
7	Review of the National Water Resources Study (2000-2050) and Formulation of National Water Resources Policy.	2009-2010
8	An Overview Study on Water-Energy-Food Nexus in Malaysia.	2015
9	National Assessment Report on Water Related Hazards and Disasters.	2017










7.3 Hidrologi


7.3.1 Definisi Hidrologi

Hidrologi ialah satu bidang sains tentang kewujudan, pusingan dan taburan, sifat kimia dan fizik air di dunia ini serta tindak balas dengan persekitarannya.

7.3.2 Aktiviti Hidrologi Jabatan

Aktiviti hidrologi berkait rapat dengan data dan maklumat tentang kuantiti, kualiti dan variabiliti penting untuk pembangunan sumber air negara. Komponen asas kitaran hidrologi termasuk kerpasan, sejatan dan pemeluhan, air larian, air bumi, tasik dan waduk. Skop aktiviti hidrologi merangkumi mencerap, mengukur, merakam dan menyebar data hidrologi, menjalankan analisis untuk perancangan, pembangunan dan pengurusan sumber air dan menggunakan teori yang dibangunkan untuk menyelesaikan masalah.






7.4 Rangkaian Stesen Hidrologi

JPS Malaysia memiliki 1,458 buah stesen Rangkaian Hidrologi Nasional (RHN) di seluruh negara yang membekalkan data hidrologi kepada pihak swasta, agensi kerajaan dan universiti. Data-data hidrologi ini digunakan bagi tujuan penyelidikan, perancangan, rekabentuk, pembangunan dan pengurusan sumber air negara.

Stesen Rangkaian Hidrologi Nasional (RHN) aktif ini terdiri daripada 977 stesen hujan, 150 stesen aras air, 118 stesen sukat luah,113 stesen enapan ampai, 75 stesen kualiti air dan 25 stesen sejatan.




7.5 Sistem Amaran Banjir

Sistem Amaran Banjir merupakan satu sistem untuk mengumpul data aras air sungai dan data curahan hujan untuk membolehkan amaran banjir dibuat apabila keadaan memerlukan. Bagi tujuan memantau secara semasa aras sungai dan curahan hujan, sistem telemetri digunakan. Di mana maklumat aras air sungai dan hujan akan disalurkan ke Bilik Gerakan di peringkat daerah, negeri dan pusat untuk gerakan banjir. Satelit akan digunakan untuk menghantar data secara semasa sekiranya sistem telemetri tidak boleh digunakan seperti di kawasan hutan di Kelantan.

Bagi kawasan yang tidak dilengkapi dengan sistem telemetri, stesen tolok lurus sungai akan ditempatkan di lokasi strategik dan pembaca akan dilantik untuk membaca aras sungai secara berjadual dan menghantar maklumat ke Pejabat JPS Daerah atau Negeri melalui telefon atau radio VHF.

Bagi kawasan yang kerap mengalami banjir, JPS telah menubuhkan sistem siren amaran banjir dan papan amaran banjir di mana penduduk terlibat boleh mengambil tindakan sendiri. Siren akan berbunyi secara automatik apabila aras air naik ke tahap kritikal dan penduduk akan tahu keadaan banjir yang sedang berlaku dan membolehkan penduduk mengambil tindakan sewajarnya. Manakala papan amaran banjir mempamerkan maklumat aras banjir pada masa akan datang yang ditetapkan berdasarkan kepada tahap aras air semasa di stesen aras air rujukan yang terletak di hulu sungai. Maklumat aras air di stesen rujukan akan diumumkan melalui radio atau pihak polis. Penduduk terlibat akan dapat membuat ramalan dan memutuskan dengan sendiri tindakan yang perlu diambil.



Jadual 7.3 : Inventori Kemudahan Komunikasi dan Logistik JPS Sistem Amaran Banjir

Bil	NEGERI	STESEN TELEMETRI (INFOBANJIR)				TOLOK LURUS		SIREN AMARAN BANJIR	PAPAN AMARAN BANJIR	BOT(ENJIN)	SAMPAN TANPA ENJIN	KENDERAAN PACUAN 4 RODA	PAM BERGERAK	PINTU AIR
		JUMLAH	STESEN HUJAN SHJ.	STESEN ARAS AIR SHJ.	STESEN GABUNGAN (HUJAN & ARAS AIR)	SUNGAI	KAWASAN							
1.	Perlis	14	4	2	8	10	10	12	0	3	10	5	68	292
2.	Kedah	54	22	8	24	21	127	38	0	6	0	10	23	44
3.	P.Pinang	54	34	5	15	11	89	26	0	2	0	12	72	20
4.	Perak	52	26	3	23	50	30	32	30	28	0	46	45	207
5.	Selangor	121	54	0	67	352	126	109	0	5	0	45	124	434
6.	W.P K.Lumpur	32	18	5	9	18	0	24	0	1	0	1	0	20
7.	N.Sembilan	56	40	5	11	10	50	16	0	3	0	20	4	38
8.	Melaka	8	0	0	8	8	8	9	1	9	1	3	0	5
9.	Johor	65	28	3	34	138	48	37	0	17	9	37	12	320
10.	Pahang	43	11	2	30	22	0	51	0	12	0	57	44	29
11.	Terengganu	42	21	1	20	79	15	21	0	0	0	13	2	33
12.	Kelantan	28	13	1	14	15	102	27	9	3	0	4	0	0
13.	Sarawak	282	147	26	109	28	28	1	10	26	0	101	11	263
14.	Sabah	20	10	2	8	14	141	97	111	14	0	36	0	17
15.	W.P. Labuan	5	5	0	0	0	0	1	0	0	0	2	0	0
	JUMLAH	**876**	**433**	**63**	**380**	**776**	**774**	**501**	**161**	**129**	**20**	**392**	**405**	**1722**

Jadual 7.4 : Laporan Banjir Mengikut Negeri (2002-2018)

Negeri	Bilangan Kejadian Banjir yang dilaporkan																
	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018
Perlis	0	0	0	3	3	0	0	3	1	4	0	1	17	8	3	4	0
Kedah	4	13	0	8	8	10	7	14	7	5	3	13	27	37	26	55	19
Pulau Pinang	6	13	11	5	5	12	7	18	0	5	6	19	19	20	51	41	25
Perak	15	2	27	44	44	36	10	20	7	17	14	11	38	41	21	55	9
Kelantan	5	7	9	10	10	10	12	15	1	14	1	7	6	6	9	30	0
Terengganu	0	3	5	3	3	2	6	8	3	16	0	8	7	4	11	23	4
Pahang	2	2	2	26	26	34	10	9	2	6	2	19	32	24	18	61	33
Selangor	22	26	30	57	57	10	34	13	26	18	34	23	45	102	70	86	84
Melaka	2	0	8	7	7	2	8	3	0	4	0	3	5	14	6	17	18
Negeri Sembilan	7	2	3	7	7	16	5	3	4	8	14	12	16	18	9	27	7
Johor	0	6	13	14	14	1	16	6	4	9	7	12	13	13	11	15	0
WP Kuala Lumpur	8	5	4	5	5	3	12	3	3	5	8	10	6	8	6	15	5
WP Putrajaya	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	0	1	0	0
WP Labuan	-	-		-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	2	1	1	0
Sabah	5	6	4	14	14	0	15	6	9	6	0	1	10	3	1	4	4
Sarawak	15	8	5	5	5	6	12	8	1	4	1	1	2	23	23	64	89
Jumlah	**91**	**93**	**121**	**208**	**208**	**142**	**154**	**129**	**68**	**121**	**90**	**140**	**243**	**323**	**267**	**498**	**297**

7.6 Sistem-Sistem Pemantauan Dan Ramalan Yang Dibangunkan Oleh Bahagian Pengurusan Sumber Air Dan Hidrologi

Jadual 7.5 : Sistem Pemantauan Dan Ramalan

Bil	Nama Sistem	Penerangan Ringkas
1.	ASEAN Working Group on Water Resource Management (AWGWRM)	Sistem ini dibangunkan bagi perkongsian data hidrologi khususnya data kualiti air untuk negara ASEAN yang terlibat. Antara negara ASEAN yang terlibat adalah Malaysia, Myanmar, Loas, Thailand, Cambodia, Vietnam, Filipina, Indonesia, Singapura dan Brunei. Sistem ini bertujuan untuk memaksimumkan kekonsistenan Kebangsaan dalam pemantauan yang berkaitan kepada kualiti air dan pengurusan sungai. Sistem ini boleh didapati di laman web : http://rhn.water.gov.my/awgwrm
2.	Sistem Pengurusan Rangkaian Hidrologi Nasional (SPRHN)	Sistem ini mengandungi maklumat stesen-stesen hidrologi dalam Rangkaian Stesen Hidrologi Nasional. Ia sebagai *One Stop Centre* kepada pelanggan (terdiri dari agensi swasta dan kerajaan, para penyelidik , pelajar di institusi pengajian tinggi, kontraktor) yang menggunakan data hidrologi. Pelanggan boleh membuat permohonan data secara *online* melalui sistem ini. Maklumat lanjut berkenaan sistem ini boleh didapati di laman web : http://rhn.water.gov.my/sprhn
3.	*Integrated Water Resources* Management (IWRM)	Laman Web ini merupakan suatu sistem pengurusan maklumat sumber air yang amat berguna kepada semua pihak yang berkepentingan bagi memastikan maklumat serta informasi berkaitan sumber air dapat diurus dengan berkesan serta dapat dirujuk dengan mudah dan cepat . Maklumat lanjut berkenaan sistem ini boleh didapati di laman web :http://iwrm.water.gov.my
4.	*Public InfoBanjir*	Ia merupakan satu laman web khusus untuk diakses orang awam dan mengandungi maklumat keadaan semasa aras air, hujan dan maklumat terkini banjir. Laman ini juga berpaut kepada Portal Banjir (portalbanjir.mkn.gov.my) dan mempunyai maklumat semasa bagi kawasan-kawasan banjir serta maklumat mangsa perpindahan. Ia juga berpaut pada e-bencana alam, JKR (bencanalam.jkr.gov.my) dan mempunyai maklumat semasa bagi jalan - jalan yang terlibat dalam kejadian banjir. Maklumat lanjut berkenaan sistem ini boleh didapati di laman web : http://publicinfobanjir.water.gov.my

Bil	Nama Sistem	Penerangan Ringkas
5.	Infobanjir	Sistem Pemantauan Banjir yang mengandungi maklumat data hujan dan paras air pada masa nyata. Ia sebagai petunjuk kepada kemungkinan berlakunya banjir dan juga tanah runtuh. Maklumat lanjut berkenaan sistem ini boleh didapati di laman web : http://infobanjir.water.gov.my
6.	Infokemarau	Sistem Pemantauan Kemarau yang mengandungi maklumat mengenai status sumber air, amaran awal kemarau dan status kemarau di Semenanjung Malaysia. Maklumat lanjut berkenaan sistem ini boleh didapati di laman web : http://infokemarau.water.gov.my
7.	Sistem Laporan dan Amaran Banjir (FWRS)	Aplikasi laman web Flood Warning and Report System (FWRS) ialah satu mekanisme pelaporan kejadian banjir semasa dan penyediaan laporan banjir semasa daripada peringkat JPS Daerah secara terus kepada Bahagian Hidrologi dan Sumber Air secara 'on-line'. Maklumat lanjut berkenaan sistem ini boleh didapati di laman web : http://reportbanjir.water.gov.my
8.	Integrated Flood Analysis System (IFAS)	Sistem ini adalah bertujuan untuk memantau, meramal dan memberi amaran awal mengenai kejadian banjir di kawasan Sg. Dungun kepada penduduk sekitar dan agensi berkaitan dengan lebih cepat dan efektif. Input data adalah daripada http://hokusai.eorx.jaxa.jp/realtime dan infobanjir.
9.	Development of National Flood Forecasting and Warning System (NaFFWS)	Sistem ini adalah bertujuan untuk memantau, meramal dan memberi amaran awal mengenai kejadian banjir di kawasan Sg. Padas, Sg. Sarawak, Sg. Muda, Sg. Kerian, Sg. Muar, Sg. Kedah/ Anak Bukit, Sg. Pahang, Sg. Terengganu dan Sg. Kelantan kepada penduduk sekitar dan agensi berkaitan dengan lebih cepat dan efektif.

7.7 Program Ramalan & Amaran Banjir Negara (PRAB)

Program Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRAB) telah diwujudkan ekoran daripada kejadian banjir besar yang berlaku pada Disember 2014 yang telah melanda lapan negeri iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang, Perak, Perlis, Johor, Sabah dan Sarawak. Kejadian banjir tersebut telah merekodkan seramai 25 kematian dengan jumlah perpindahan melebihi 500,000 orang dan kos kemusnahan melebihi RM 2.85 billion.



Gambar kejadian banjir Disember 2014 di Negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang

Berdasarkan kajian Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) *National Register of River Basin* (2003) mendapati 9% daripada keluasan negara merupakan kawasan yang mudah berlaku banjir dengan hampir 4.9 juta penduduk terjejas akibat banjir. Impaknya membawa kepada kerugian harta benda melebihi RM915 juta setahun dengan kerugian penyusutan ekonomi melebihi RM 2 billion setahun.

Program PRAB akan dilaksanakan secara komprehensif di seluruh negara yang akan melibatkan pembangunan model ramalan banjir di 41 lembangan sungai utama. Program ini diharapkan akan dapat memberi kesan positif secara langsung kepada penduduk-penduduk yang terlibat banjir.

7.7.1 Objektif PRAB

Program PRAB telah menetapkan 4 objektif utama yang perlu dicapai iaitu;

1) Membangunkan sistem yang berupaya **meramal** kejadian banjir monsun **7 hari lebih awal** berdasarkan data ramalan cuaca dari Jabatan Meteorologi Malaysia.

2) Meningkatkan keupayaan sistem **amaran** dan hebahan banjir monsun dari 6 jam kepada **2 hari lebih awal** kepada agensi berkepentingan dan penduduk yang terlibat dengan banjir.


3) Meningkatkan **ketepatan** amaran banjir monsun dengan mengurangkan perbezaan ramalan dan sebenar iaitu aras air lebih 1 meter kepada **kurang 0.5 meter**.

4) Membangunkan sistem yang berupaya **meramal** dan memberi amaran kejadian **banjir kilat** kepada orang awam dalam tempoh **1 hingga 3 jam lebih awal** dengan berdasarkan data ramalan cuaca dari Jabatan Meteorologi Malaysia. Ramalan ini hanya memfokuskan kepada limpahan air sungai sahaja.

7.7.2 Komponen Utama

Bagi mencapai objektif program PRAB, terdapat empat (4) komponen utama yang akan dilaksanakan secara bersepadu dengan menggunakan teknologi terkini. Komponen- komponen tersebut adalah seperti berikut:


1) Membangunkan Sistem Pengesanan Data Hidrologi
2) Membangunkan Sistem Pangkalan Data dan Infrastruktur ICT
3) Membangunkan Sistem Ramalan dan Pemodelan Banjir
4) Meningkatkan Sistem Amaran dan Hebahan



Komponen-komponen utama PRAB

7.7.3 Pelaksanaan

Program PRAB dilaksanakan dalam dua fasa iaitu PRAB Fasa 1 dan PRAB Fasa 2. Ianya akan dilaksanakan dalam tempoh 7 tahun (2015 hingga 2022) di mana bagi Projek PRAB Fasa 1 (PRAB F1) telah dilaksanakan di tiga (3) lembangan sungai utama iaitu Sg. Kelantan, Sg. Terengganu dan Sg. Pahang. Bagi Projek PRAB Fasa 2, ianya telah bermula pada tahun 2018 dan dijangka akan siap pada tahun 2022. PRAB Fasa 2 akan melibatkan pembangunan model ramalan banjir di 38 lembangan sungai seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.



Lokasi lembangan sungai terlibat dalam PRAB

7.7.4 Transformasi Ramalan Dan Amaran Banjir

Program PRAB telah mensasarkan beberapa anjakan transformasi di dalam sistem ramalan dan amaran banjir sediada kepada yang lebih ke hadapan dan akan memberi impak yang besar kepada orang ramai. Terdapat empat elemen utama dalam transformasi ini iaitu:

1) Tempoh masa ramalan banjir
2) Tempoh masa amaran banjir
3) Penambahbaikan sistem pangkalan data ramalan banjir
4) Liputan capaian hebahan amaran banjir



Sasaran transformasi di dalam PRAB

7.7.5 Faedah Dan Manfaat


Terdapat empat faedah utama yang akan diperolehi dengan terlaksananya program PRAB iaitu:

1) Memberi tempoh masa yang mencukupi untuk agensi dan penduduk bertindak awal menghadapi banjir
2) Mengurangkan kerugian harta benda awam dan kerajaan
3) Meningkatkan keyakinan penduduk terutamanya mangsa banjir terhadap sistem penyampaian kerajaan yang berkesan
4) Membolehkan agensi bertanggungjawab menyusun strategi logistik dan pemindahan penduduk dengan lebih cekap dan teratur


7.8 Program National Water Balance System (NAWABS)

Pengurusan sumber air yang cekap dan berkesan merupakan fokus utama untuk pengekalan dan kelestarian sumber air di negara ini. Pertambahan jumlah penduduk dianggarkan pada tahun 2050 akan mencecah 43 juta orang yang akan menyebabkan permintaan air yang bersih dan selamat meningkat. Ini termasuklah permintaan air domestik, sektor pertanian dan industri.

Kajian dan Pembangunan *National Water Balance Management System* (NAWABS) iaitu salah satu *Management Tools* dalam *Integrated Water Resources Management* (IWRM) yang mana secara asasnya akan memberi maklumat / ramalan ketersediaan sumber air kehadapan dengan mengambil kira sumber air dan keperluan (*demand*) pada masa sekarang dan akan datang.



7.8.1 Objektif NAWABS




7.8.2 Komponen Projek NAWABS



7.8.3 Perlaksanaan

Program NAWABS akan dilaksanakan dalam tiga fasa iaitu NAWABS Fasa 1 (RMK 11 RP1) terlibat dengan 7 lembangan sungai iaitu Lembangan Sungai Muda, Sungai Kedah, Sungai Melaka, Sungai Bernam, Sungai Kelantan, Sungai Klang dan Sungai Similajau. NAWABS Fasa 2 (RMK 11 RP3) terlibat dengan 12 lembangan sungai dan NAWABS Fasa 3 (RMK 12) terlibat dengan 31 lembangan sungai, jadual perlaksanaan program NAWABS adalah seperti gambarajah berikut



NAWABS Fasa 1 (RMK11 RP1)

No.	Lembangan Sungai
1.	Sg. Muda
2.	Sg. Kedah
3.	Sg. Melaka
4.	Sg. Bernam
5.	Sg. Klang
6.	Sg Kelantan
7.	Sg. Similajau

NAWABS Fasa 2 (RMK11 RP3)

No.	Lembangan Sungai
1.	Sg. Perlis
2.	Sg. Kerian
3.	Sg. Kurau
4.	Sg. Persk
5.	Sg. Langat
6.	Sg. Kesang
7.	Sg. Muar
8.	Sg. Johor
9.	Sg. Sedili Besar
10.	Sg. Pahang
11.	Sg. Batang Kemena
12.	Sg. Padas

NAWABS FASA 3 (RMK12)

No.	River Basin
1.	Sg. Bebar
2.	Sg. Kuantan
3.	Sg. Besut
4.	Sg. Dungun
5.	Sg. Terengganu
6.	Sg. Kemaman
7.	Sg. Golok
8.	Sg. Selangor
9.	Sg. Linggi
10.	Sg. Rompin
11.	Sg. Batu Pahat

No.	River Basin
12.	Btg. Rajang
13.	Btg. Baram
14.	Btg. Oya
15.	Sg. Sarawak
16.	Btg. Sadong
17.	Btg. Terusan
18.	Btg. Tatau
19.	Btg. Suai
20.	Sg. Niah
21.	Btg. Mukah

No.	River Basin
22.	Btg. Lupar
23.	Sg. Limbang
24.	Btg. Balingian
25.	Btg. Krian
26.	Btg. Kayan
27.	Sg. Kalabakan
28.	Sg. Kalumpang
29.	Sg. Sugut
30.	Trusan Kinabatangan
31.	Sg. Segama

Component :
1. Water Resource Study
2. System Development, including DMSS
3. Dissemination Tools
4. Groundwater Exploration
5. Upgrading Data Delivery System from other Agency



50 main river basins out of 189 river basin in Malaysia (2016-2025)

7.8.4 Outcome Projek

NAWABS diwujudkan supaya risikan, penaksiran, agihan dan keseimbangan sumber air negara dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dengan membekalkan maklumat ketersediaan sumber air serta **ramalan 2 bulan** dan **amaran 14 hari** ke hadapan.



Centralized Decision Making tools on IWRM for Water Resource Manager (long term planning and distribution) on 9 main outputs which are :

1. Water Accounting System
2. Water Demand Option System
3. Water Availability System
4. Water Prioritisation System
5. Water Allocation System
6. Water Quality System
7. Water Storing and releasing during low and high flows
8. Water Resources Index and Drought Index
9. Water Auditing System

1. Improved water security and sustainability of water resources allocation/storages
2. National priority to ensure adequate and safe water for all
3. public preparedness

7.8.5 Faedah Projek

1) Pengurus Sumber Air cekap dan berkesan di lembangan-lembangan sungai yang terlibat dengan program NAWABS.
2) Memberi maklumat kepada NaDMA untuk tujuan hebahan.
3) Pengurangan kerugian kepada industri, tanaman dan haiwan ternakan
4) Persediaan awal kepada penduduk sekiranya berlaku catuan akibat kekurangan bekalan air domestik.
5) Pengurusan sumber air dapat dilaksanakan secara bersepadu, implimentasi kepada Rang Undang-Undang, Dasar Sumber Air Negara serta dapat mencapai *Sustainable Development Goal* berkaitan air bersih.

PENGURUSAN BANJIR

8.1 Peranan

Menyediakan khidmat kepakaran dalam pengurusan tebatan banjir serta melaksanakan program tebatan banjir untuk melindungi nyawa dan harta benda.

Jadual 8.1 : Maklumat Umum

Bil.	Perkara	Butiran
1.	Kedudukan Malaysia	Zon Equatorial (hujan yang lebat)
2.	Keluasan tanah Malaysia	330,803 km persegi
3.	Kawasan banjir	33,298 km persegi (10.1% daripada luas tanah negara)

8.2 Kategori Banjir

i) Banjir Monsun *(Monsoonal Flood)*
Banjir yang disebabkan keamatan hujan yang tinggi dan berterusan (> 6 jam) pada musim monsoon timur laut/tengkujuh (Nov – Mac).

ii) Banjir Kilat *(Flash Flood)*
Banjir yang disebabkan keamatan hujan yang tinggi dan setempat (< 3 jam) mengakibatkan kenaikan dan penurunan air dalam masa yang singkat (<6 jam).

iii) Banjir Air Pasang (*Tidal Flood*)
Banjir yang disebabkan kenaikan air laut semasa air pasang dan melebihi aras air sungai.

8.3 Punca Berlakunya Kejadian Banjir

8.3.1 Semula Jadi

- Hujan yang lebat:
- Air pasang yang tinggi.
- Topografi

8.3.2 Aktiviti Manusia

- Perubahan guna tanah dalam pembangunan
- Infrastruktur saliran tidak mencukupi
- Halangan pada sungai dan sistem saliran
- Pembuangan sampah sarap
- Pembangunan di kawasan dataran banjir
- Penyelenggaraan sungai dan sistem saliran tidak sempurna

8.4 Langkah- Langkah Mengurus Banjir

8.4.1 Langkah Struktur

i) Pembinaan empangan tebatan banjir
Contoh: Empangan Batu, Selangor

ii) Pembinaan kolam takungan banjir
Contoh: Kolam Takungan Batu Jinjang, KL

iii) Pembinaan lencongan
Contoh: Terowong SMART

iv) Rumah pam
Contoh: Rumah Pam Sungai Kemang, Johor

v) Melebarkan dan mendalamkan sungai
Contoh: Projek Tebatan Banjir Lembah Bertam

vi) Pembinaan ban/benteng di tebing sungai
Contoh: Projek Tebatan Banjir Lembah Bertam



Terowong Smart



Rumah Pam Sg. Kemang



Melebar dan mendalamkan Sg. Bertam



Pembinaan Ban/Benteng Bandar Pekan


8.4.2 Langkah Bukan Struktur

a) Kajian
   i) Kajian Lembangan Sungai dan Tebatan Banjir
   ii) Kajian Pelan Induk Saliran

b) Peta Risiko Banjir



Peta banjir yang menunjukkan luas banjir



Peta risiko banjir yang menunjukkan luas dan kedalaman banjir bagi tempoh ulangan tertentu

c) Pematuhan Kepada Undang-undang, Akta, dan Garis Panduan
d) Kempen Kesedaran dan Program Pendidikan
e) Ramalan dan Amaran Banjir
f) Pengurusan Kawasan Tadahan Air
g) Penempatan Semula Penduduk
h) Pengkalisan Banjir (*flood proofing*)

8.5 Projek Utama

Jadual 8.2 : Projek-projek Utama Yang Siap Dilaksanakan Dalam RMKe-10

Bil	Nama Projek	Kos Projek (RM)	Tahun Siap
1	RTB Sungai Menggatal, Sabah	15 juta	2012
2	RTB Sungai Kuantan	8 juta	2012
3	RTB Sungai Petagas, Sabah	10 juta	2012
4	RTB Bandar Pekan	80 juta	2012
5	RTB Sungai Kesang, Melaka	5 juta	2012
6	RTB Bertam Kepala Batas	3 juta	2012
7	RTB Sibu, Sarawak	138 juta	2012
8	RTB Lembangan Sungai Muar	60 juta	2013
9	RTB Sungai Tebrau Dan Sungai Plentong	7 juta	2013
10	RTB Chukai	40 juta	2013
11	RTB Sungai Pancuran Sabah	8 juta	2013
12	RTB Pelbagai Negeri (Parlimen)	218 juta	2013
13	RTB Sg. Kelantan	178 juta	2013
14	RTB Sungai Linggi, Negeri Sembilan	51 juta	2014
15	RTB Bandaraya Kuching Fasa 3	30 juta	2014
16	Tebatan Banjir Di Kawasan Perindustrian Bukit Kayu Hitam	18 juta	2014
17	RTB Selangor : MSC	100 juta	2014
18	RTB Sibu Fasa 2	78 juta	2015
19	RTB Lembangan Sungai Muar Fasa 2	210 juta	2015
20	RTB Kedah; Sungai Muda	1.4 bilion	2015

Jadual 8.3 : Projek-projek Utama Yang Siap Dilaksanakan Dalam RMKe-11

Bil	Nama Projek	Kos Projek (RM)	Tahun Siap
1	Projek Mengatasi Banjir Di Kuala Lumpur Pakej A (SMART)	338 juta	2016
2	RTB Sg Besut Fasa 1 – Sg Nail, Terengganu	15 juta	2016
3	RTB Sungai Simin Pakej 2, Daerah Seremban	39 juta	2016
4	RTB Sungai Linggi Fasa 3	63 juta	2016
5	RTB Tasek Gelugor	41 juta	2017
6	RTB Sungai Jimah, Mukim Jimah, Port Dickson, N.Sembilan	29 juta	2017
7	RTB Gemas	53 juta	2017
8	RTB Pelbagai Bahagian (Negeri Sarawak)	169 juta	2017
9	RTB Kg Sialang Dalam, Tangkak Johor	3 juta	2018
10	RTB Sungai Kemang, Kota Tinggi	10 juta	2018
11	RTB Pelbagai (Negeri Sabah)	57 juta	2018

8.6 Peta Hazard Banjir

8.6.1 Latar Belakang

Lanjutan daripada Mesyuarat Majlis Sumber Air Negara yang bersidang pada 20 Ogos 2009 dan Mesyuarat Jemaah Menteri yang bersi dang pada 4 Disember 2009 telah mengarahkan Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia untuk menyediakan Peta Hazard Banjir bagi seluruh negara.

8.6.2 Pengenalan

Peta Hazard Banjir merupakan satu peta yang telah dihasilkan menggunakan permodelan hidrodinamik yang menunjukkan keluasan dan kedalaman banjir berdasarkan kepada tempoh ulangan (ARI) tertentu. Dalam konteks JPS, peta ini juga merupakan sumber utama dalam menilai dan menterjemah risiko banjir dalam merangka dasar dan strategi pelaksanaan pembangunan dan pengurusan banjir termasuklah mengenalpasti lokasi potensi projek tebatan banjir; mengenalpasti lokasi dan kawasan banjir yang berlaku di seluruh negara; anggaran kesan dan penilaian kerosakan banjir; memberi kesedaran dan kesiapsiagaan penduduk bagi menghadapi risiko banjir dan dengan itu akan mengurangkan kerugian akibat banjir; dan penilaian pemilihan pusat pemindahan mangsa banjir. Sehingga kini, sebanyak 39 peta telah disiapkan.

8.6.3 Kegunaan Peta Hazard Banjir

Pelbagai pihak telah menunjukkan minat yang tinggi untuk mendapatkan peta hazard banjir yang telah disediakan bagi pelbagai tujuan, sebagai contoh:-

a) Perancangan struktur-struktur tebatan banjir

b) Analisa peta hazard banjir dengan mengintegrasikan maklumat Jabatan Perangkaan bagi memperolehi bilangan penduduk yang terlibat dengan banjir

c) Jabatan Perancang Bandar dan Desa memerlukan peta hazard banjir bagi membantu perancangan penyediaan pelan pembangunan melalui Rancangan Struktur Negara

d) Penyediaan Peta Pemindahan Banjir

e) Penyediaan Peta Indeks Insurans Banjir

f) Penyediaan Peta Risiko Banjir

Jadual 8.4 : Senarai Peta Hazard Banjir (RMKe-9 & RMKe-10)

Bil.	Peta Hazard	Tahun Siap
1	Peta Hazard Banjir Kluang, Johor	2010
2	Peta Hazard Banjir Simpang Renggam, Johor	2010
3	Peta Hazard Banjir Batu Pahat, Johor	2010
4	Peta Hazard Banjir Muar, Johor	2010
5	Peta Hazard Banjir Mersing, Johor	2010
6	Peta Hazard Banjir Sungai Johor, Johor	2010
7	Peta Hazard Banjir Sungai Buloh, Selangor	2010
8	Peta Hazard Banjir Sungai Damansara, Selangor	2010
9	Peta Hazard Banjir Sungai Kuyoh, Selangor	2010
10	Peta Hazard Banjir Sungai Pinang, Pulau Pinang	2010
11	Peta Hazard Banjir Pasir Mas, Kelantan	2010
12	Peta Hazard Banjir Tanah Merah, Kelantan	2010
13	Peta Hazard Banjir Beaufort, Sabah	2011
14	Peta Hazard Banjir Tenom, Sabah	2011
15	Peta Hazard Banjir Sook, Sabah	2011
16	Peta Hazard Banjir Moyog, Sabah	2011
17	Peta Hazard Banjir Lembangan Sg Muda, Kedah	2011
18	Peta Hazard Banjir Lembangan Sg Melaka, Melaka	2012
19	Peta Hazard Banjir Lembangan Sg Kesang, Melaka	2012

Bil.	Peta Hazard	Tahun Siap
20	Peta Hazard Banjir Lembangan Sg Selangor, Selangor	2012
21	Peta Hazard Banjir Lembangan Sg Labu, Sepang, Selangor	2012
22	Peta Hazard Banjir Lembangan Sg Kerian, Perak	2012
23	Peta Hazard Banjir Lembangan Sg Kinta, Perak	2012
24	Peta Hazard Banjir Lembangan Sg Kedah, Kedah	2012
25	Peta Hazard Banjir Lembangan Sg Pendang, Kedah	2012
26	Peta Hazard Banjir Lembangan Sg Perlis & Sg Arau, Perlis	2012
27	Peta Hazard Banjir Lembangan Sg Linggi, Negeri Sembilan	2012
28	Peta Hazard Banjir Wilayah Pembangunan Iskandar – Skudai, Johor	2012
29	Peta Hazard Banjir Wilayah Pembangunan Iskandar - Sg Plentong, Johor	2012
30	Peta Hazard Banjir Wilayah Pembangunan Iskandar - Sg Melayu, Johor	2012
31	Peta Hazard Banjir Lembangan Sg Setiu, Terengganu	2012
32	Peta Hazard Banjir Lembangan Sg Pahang, Pahang	2013
33	Peta Hazard Banjir Lembangan Sg Linggi, Melaka	2014
34	Peta Hazard Banjir Lembangan Sg Langat, Selangor	2015
35	Peta Hazard Banjir Lembangan Sg Kuantan, Pahang	2015
36	Peta Hazard Banjir Lembangan Sg Kemaman, Terengganu	2015

Jadual 8.5 : Senarai Peta Hazard Banjir RMKe-11

Bil.	Peta Hazard	Status
1	Peta Hazard Banjir Lembangan Sg Terengganu	Siap - 2016
2	Peta Hazard Banjir Lembangan Sg Pahang	Siap - 2017
3	Peta Hazard Banjir Lembangan Sg Kelantan	Siap - 2017
4	Peta Hazard Banjir Lembangan Sungai Perak	Dalam Perlaksanaan
5	Peta Hazard Banjir Lembangan Sungai Bernam	Dalam Perlaksanaan
6	Peta Hazard Banjir Lembangan Sg Duyong	Perancangan Perlaksanaan 2019
7	Peta Hazard Banjir Lembangan Sg Abai / Sg Kedamaian, Sabah	Perancangan Perlaksanaan 2019
8	Peta Hazard Banjir Sg Klang	Perancangan Perlaksanaan 2019
9	Peta Hazard Banjir Sg Merlimau	Perancangan Perlaksanaan 2019
10	Peta Hazard Banjir Sg Dungun	Perancangan Perlaksanaan 2020
11	Peta Hazard Banjir Sg Kemasik	Perancangan Perlaksanaan 2020
12	Peta Hazard Banjir Sg. Rompin	Perancangan Perlaksanaan 2020
13	Peta Hazard Banjir Lembangan Sg Kemasin Semarak	Perancangan Perlaksanaan 2020

8.7 Terowong SMART

SMART adalah singkatan kepada "Stormwater Management and Road Tunnel" bagi Projek Tebatan Banjir Kuala Lumpur – Pakej A


Jadual 8.6 Maklumat Umum

Bil.	Perkara	Butiran
1.	Panjang Terowong Lencongan (dari Kg. Berembang, Ampang di sebelah hulu menuju ke arah selatan dan berakhir di kolam bekas lombong Taman Desa)	9.7 km
2.	Panjang Lebuhraya dua Tingkat (dari Bulatan Kg. Pandan sehingga Sg. Besi Airfield di Lebuhraya KL-Seremban)	3 km
3.	Kapasiti Kolam-Kolam Takungan & Terowong lencongan	3.0 juta m3
4.	Garis Pusat Mesin "Slurry Sheild Boring"	13.26 m
5.	Dua (2) buah mesin pengorek	Tuah dan Gemilang
6.	Pergerakan Mesin Tuah	Ke arah Kolam Takungan Kg. Berembang
7.	Pergerakan Mesin Gemilang	Ke arah Kolam Takungan Taman Desa
8.	Tempoh Perlaksanaan Projek	4 Tahun (1 Jan 2003-31 Dis 2006)
9.	Lanjutan Masa	Sehingga 30 Jun 2007

Jadual 8.7 : Maklumat Kontrak Pembinaan SMART

Bil.	Perkara	Butiran
1.	Wakil Kerajaan	i) Jabatan Pengairan dan Saliran, Malaysia ii) Lembaga Lebuhraya Malaysia
2.	Kontraktor Gabungan Bersama	i) MMC ii) Gamuda Berhad
3.	Jururunding Bersekutu	i) Sepakat Setia Perunding Sdn. Bhd. (SSP) ii) Mott Macdonald (UK)
4.	Jururunding Kerajaan	Dr. Nik & Associates Sdn. Bhd. dengan kerjasama Snowy Mountain Engineering Corporations (SMEC- Australia)
5.	Tempoh Konsesi Lebuhraya SMART	40 Tahun
6.	Kos Keseluruhan Projek	RM 1.933 Billion • Kos Kerajaan : RM 1.312 Billion • Kos Kontraktor : RM 0.621 Billion


Gambarajah 8.1 : Jajaran SMART



***STORMWATER MANAGEMENT AND ROAD TUNNEL* (SMART)** adalah salah satu komponen utama Projek Tebatan Banjir Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Flood Mitigation Project - KLFM) yang merupakan penyelesaian jangka panjang masalah banjir besar bandaraya Kuala Lumpur. Objektif utama terowong SMART adalah sebagai laluan untuk air banjir yang dilencongkan dari mengalir ke tengah bandaraya Kuala Lumpur. Lencongan ini bermula di pertemuan Sungai Klang dan Sungai Ampang di Kampung Berembang hingga ke Kolam Takungan di Taman Desa.

Gambarajah 8.2 : **(a) Keratan Rentas Terowong dan**
(b) Kemudahan Pengudaraan & Laluan Kecemasan Terowong SMART.

(b)





Gambarajah 8.3 : Komponenan Aliran Operasi Banjir SMART



8.7.1 Mod Operasi Terowong SMART

Mod 1

- Semasa cuaca baik atau hujan turun tidak lebat
- Terowong trafik dibuka untuk laluan trafik masuk dan keluar Pusat Bandaraya Kuala Lumpur

Mod 2

- Berlaku apabila hujan turun dan kadar alir di Stesen Hidrologi L4 yang terletak di pertemuan Sg. Klang dengan Sg. Ampang mencatatkan bacaan antara 70 m^3/s hingga 150m^3/s.
- Air banjir lebihan akan disalur masuk ke takungan Sistem SMART dan air hanya mengalir di bahagian bawah (*lower drain*) terowong. Aliran Sg. Klang ke Pusat Bandaraya Kuala Lumpur dikawal pada kadar 50m^3/s.
- Terowong trafik masih dibuka untuk laluan trafik.

Mode 2B

- Berlaku apabila hujan turun dan bacaan aras air sungai Klang di Stesen Hidrologi Tun Perak mencapai paras 28.00m walaupun kadar alir di pertemuan Sungai Ampang dan Sungai Klang kurang dari 70m^3/s.


Mod 3

- Berlaku apabila hujan lebat turun dan Model Ramalan Banjir Sistem SMART meramalkan kadar alir di L4 melebihi 150m^3/s. Aliran Sg. Klang ke Pusat Bandaraya Kuala Lumpur dikawal pada 10m^3/s sahaja.
- Terowong bahagian laluan trafik akan dikosongkan daripada semua kenderaan.
- Sekiranya hujan lebat turun tidak lama atau atas sebab teknikal lain yang tertentu, air banjir tidak akan disalurkan ke dalam terowong bahagian laluan trafik.
- Terowong bahagian laluan trafik akan dibuka semula bagi laluan trafik selepas antara dua hingga lapan jam ditutup.

Mod 4


- Berlaku selepas antara satu hingga dua jam amaran Mod 3 dikeluarkan dan sekiranya hujan lebat masih berterusan.
- Terowong bahagian laluan trafik akan digunakan untuk laluan banjir dan akan dibuka semula selepas empat hari ditutup.


Jadual 8.8 : Ringkasan Event Mod 2, Mod 2B, Mod 3 dan Mod 4 dari Tahun 2007 hingga 2018



	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018
Mode 2	13	30	20	11	21	25	21	25	19	18	32	21
Mode 3	2	21	13	14	19	8	2	2	0	0	1	2
Mode 4	0	1	0	0	1	3	0	0	0	0	0	0
Mode 2B	0	0	0	0	0	0	4	0	2	0	2	8

Gambarajah 8.4 : Grafik Mod Trafik Terowong SMART





Kawasan Rights Of Way (ROW) dan Protection Zone (PZ) *Rights Of Way* (ROW) adalah kawasan tanah dengan kelebaran tertentu (purata 20m) di sepanjang jajaran SMART bermula dari Berembang hingga Taman Desa yang mana terdapat struktur terowong SMART di bawahnya. Ia meliputi tanah milik Pentadbir Tanah Persekutuan (PTP), tanah simpanan Persekutuan, tanah simpanan Negeri dan tanah milik yang dibuat pengambilan balik tanah. ROW telah dipohon agar menjadi rizab jajaran SMART. *Protection Zone* (PZ) ialah kawasan tanah di bahagian kiri dan kanan ROW yang lebarnya adalah bersamaan dengan kedalaman dari permukaan tanah ke bahagian atas terowong (crown of tunnel) dan satu perdua daripada garis pusat terowong, meliputi kawasan tanah milik Pentadbir Tanah Persekutuan (PTP), tanah simpanan Persekutuan, tanah simpanan Negeri dan tanah milik. Tiada struktur terowong di bawahnya tetapi sebarang aktiviti dilakukan dalam kawasan ini mungkin akan memberi kesan kepada struktur terowong. PZ bukan merupakan rizab SMART tetapi kawasan yang dipantau bersama oleh Pusat Kawalan SMART dan SMART Motorway Control Centre - pemegang konsesi.



9.1 Peranan

Menyediakan khidmat kepakaran dalam pengurusan air larian hujan yang cekap dan berkesan melalui pendekatan pencegahan bagi menangani masalah banjir dengan penggunaan Manual Saliran Mesra Alam (MSMA).

9.2 Manual Saliran Mesra Alam (MSMA)

Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) adalah merupakan satu manual/garis panduan untuk jurutera membuat perancangan infrastruktur saliran bandar melalui konsep kawalan kuantiti dan kualiti di peringkat punca (*at source control*). Kaedah ini diperkenalkan untuk mencegah bencana banjir kilat, banjir lumpur dan pencemaran sungai.

Sistem saliran kaedah lama mengamalkan konsep:

i) Pengalirancepat
ii) Bersifat setempat
iii) Satu fungsi-kuantiti

